

17/03/1997

Taktik gertak Kuan Yew makan diri sendiri

Sut

ANTARA yang menarik di dalam Berita Minggu semalam tentulah kartun 'Ragam' oleh Zoy yang menunjukkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sedang menghulurkan tangan untuk berjabat tangan dengan Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew yang digambarkan dalam wajah seekor singa tua.

Beberapa hari lalu dalam afidavitnya di sebuah mahkamah Singapura Lee menuduh Johor sebagai negeri yang penuh dengan tembak-menembak, rompakan dan rampasan kereta. Kenyataan itu tentulah menimbulkan kegelisahan yang bukan sedikit kepada Perdana Menteri republik itu, Goh Chok Thong sebagaimana kegelisahan yang sama timbul apabila Lee menyatakan bahawa Malaysia tidak mengamalkan meritokrasi, tahun lalu.

Lee sudah meminta maaf kepada rakyat dan kerajaan Malaysia selepas menerima tekanan.

Pada kita Lee tidak puas hati, malah menjadi semakin sakit dan benci kepada Malaysia kerana kejayaan yang dicapai oleh negara ini. Kejayaan Malaysia menyebabkan nama Singapura dan kepemimpinannya semakin hilang ditelan sinar cemerlang dan aura kepemimpinan Malaysia yang bertaraf dunia pimpinan Dr Mahathir.

Membaca dan memberikan reaksi terhadap riak dan gerak Singapura tidak boleh dilakukan dengan semudah yang disangkakan kerana sejarah perhubungan Malaysia-Singapura mempunyai dua peringkat iaitu peringkat kerajaan dan peringkat rakyat. Ribuan rakyat Singapura dan demikian juga ribuan rakyat Malaysia setiap hari menyeberangi tambak Johor. Seperti rakyat Malaysia setiap hari ke Singapura mencari rezeki di sana, demikian rakyat Singapura ke Malaysia membeli hartanah dan melabur dalam bidang lain selain melepaskan geramnya di lebuhraya dengan memecut melebihi had laju.

Hakikat daripada hubungan yang sedemikian menimbulkan natijah yang khusus dan istimewa. Ada semacam perasaan yang saling memerlukan. Media massa di Malaysia pun sedar akan keadaan ini dan ini memberi pengaruh yang tidak sedikit sehingga mereka selalu mengelakkan daripada menyinggung mana-mana pihak.

Malangnya tidak sedemikian bagi Lee terutama masa kini yang terus berasakan kegemilangan masa lalu. Lee suka membuat kenyataan yang menakutkan dan ini tidak saja memberi implikasi kepada rakyat biasa yang setiap hari ribuan jumlahnya melintasi Tambak Johor.

Diketahui oleh banyak pihak sejak dulu lagi Lee adalah seorang yang bijak dan seperti kata A Nazri Abdullah dalam Komentarnya, "Lee sebenarnya bukan terlanjur bicara atau terlepas cakap. Walaupun sudah tua, beliau tidak nyanyuk atau berperangai seperti budak-budak".

Dalam sejarah hubungan kedua-dua negara masa lalu, kita dapat meneliti ada banyak peristiwa yang jika direnung dengan saksama memberi gambaran yang jelas bahawa Lee selalu melakukan tindakan yang dapat diumpamakan sebagai 'pukul anak sindir menantu'.

Lee perlu ingat, keadaan hari ini sudah berubah. Lee tentu sedar hakikat ini. Malaysia kini menjadi kunjungan ramai pemimpin dunia. Nama Malaysia menenggelamkan nama Singapura sebagai primadona Asia. Kesedaran itu menyebabkan Lee perlu melakukan sesuatu untuk menimbulkan suatu natijah seperti suatu masa dahulu bagi menakutkan atau menimbulkan kegelisahan di kalangan rakyat Malaysia, ahli politik dan pemimpin negara dan amat penting sekali tentulah di kalangan pelabur Singapura yang pada waktu kini menjadikan Malaysia lubang tempat mereka menangkap ikan atau melombong emas.

Kepada kita rakyat dan pemimpin Malaysia kini jelas dengan taktik dan strategi yang digunakan oleh Lee untuk menimbulkan natijah yang menyenangkan dan menguntungkannya. Malang bagi Lee, apapun tindakan yang dipancingnya tidak menerbitkan natijah yang menguntungkannya kerana pemimpin Malaysia kini bukan lagi pemimpin masa lalu, begitu juga politik dunia masa kini sudah berbeza. Taktik bagi menakut-nakutkan pemimpin sama ada politik, atau ekonomi pada masa kini tidak akan berjaya mempengaruhi pembuat keputusan sehingga menghasilkan natijah yang hanya menguntungkan Singapura.

(END)